

20 JUL 1998  
Mokhtar-Latihan  
KURSUS TEKNOLOGI PLASTIK DAN LOGAM DI TESDEC

PULAU PINANG, 20 Julai (Bernama) -- Kursus teknologi plastik dan pemesanan logam selama 12 bulan akan diperkenalkan di Pusat Latihan Teknologi Plastik (TESDEC), kata Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad hari ini.

Menurut beliau ia sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai program latihan yang sesuai untuk tenaga kerjanya bagi menampung kepesatan pembangunan perindustrian di negeri itu.

"Permintaan terhadap dua bidang ini amat tinggi dan kursus ini merupakan tambahan kepada 20 jenis kursus dan kemahiran yang dijalankan TESDEC," katanya kepada pemberita di sini.

Sehubungan itu, kerajaan Terengganu dan Universiti Sains Malaysia (USM) memeterai perjanjian memorandum kerja (MoA) hari ini bagi membolehkan Pusat Pengajian Teknologi Industri USM membantu TESDEC menawarkan kursus sijil kemahiran dalam bidang teknologi plastik dan pemesanan logam.

Beliau berkata, TESDEC sedang membina sebuah kampus berharga RM30 juta secara berperingkat di kawasan seluas 230 ekar di Bandar Baru Marang dan apabila ia siap tahun depan, sebahagian kursus yang dijalankan di merata tempat di negeri itu akan dipusatkan di situ.

Beliau menjangkakan sebanyak 58,416 tenaga kerja mahir dan separuh mahir diperlukan sektor perkilangan di negeri itu menjelang tahun 2,000.

Beliau juga bersetuju dengan cadangan Naib Canselor USM, Datuk Prof Ishak Tambi Kechik supaya kerajaan negeri memperluaskan kerjasama dalam bidang teknologi makanan memandangkan Terengganu kaya dengan sumber makanan tempatan.

Mengenai cadangan membina landasan keretapi dari Kuantan ke Kerteh, beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan perkara itu tidak lama lagi.

Landasan keretapi itu perlu untuk mengangkut bahan-bahan industri di sekitar kawasan itu dan projek berkenaan mungkin dibiayai oleh Petronas.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sains, Teknologi, Sumber Manusia dan Pengajian Tinggi Negeri, Datuk Dr Abdul Latiff Awang dan Pengerusi Eksekutif TESDEC, Mazlan Ngah.

-- BERNAMA  
ZU PR